

## *Penggunaan Portal SLS untuk Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri*

**Asmara Kamisah Muslim**

asmara\_kamisah\_muslim@schools.gov.sg

**Halimatussa'diah Jaffar**

halimatussadiah\_jaffar@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Junyuan**

### *Abstrak*

Pengembangan plot dalam karangan merupakan antara permasalahan yang dihadapi oleh murid dalam proses penulisan. Permasalahan ini dirumitkan lagi dengan kurangnya penguasaan kosa kata yang meluas. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti keberkesanan portal SLS, beberapa peranti ICT dan strategi pengajaran bagi meningkatkan dan mengukuhkan lagi penguasaan kosa kata serta kemahiran menulis murid Darjah 3 dan 4. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapatnya peningkatan yang positif dalam pemarkahan mahupun kemahiran menulis murid. Pendekatan yang menggalakkan pembelajaran kolaboratif ini berjaya membantu murid untuk menambahkan kosa kata, bertukar-tukar pendapat melalui penilaian rakan, meningkatkan keyakinan, merancang dan meluaskan idea dengan lebih berstruktur semasa penulisan karangan.


Kata Kunci: kemahiran menulis, portal SLS, pembelajaran secara kolaboratif, pengembangan idea, meningkatkan keyakinan

## PENGENALAN

Era globalisasi telah membawa pelbagai perubahan pada trend dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada waktu ini. Murid kini begitu terdedah dengan penggunaan teknologi yang sering diterapkan dalam pembelajaran sehari-hari mereka. Untuk memastikan pembelajaran bahasa Melayu kekal relevan dan menarik, guru digesa supaya aktif menggunakan strategi dan kaedah pengajaran yang pelbagai selain melengkapi diri dengan ilmu berkenaan integrasi ICT dalam PdP. Sejajar dengan perubahan ini, guru turut dirangsang dan diseru agar menyerapkan kemahiran abad ke-21 dalam ruang lingkup kelas masing-masing supaya dapat sama-sama melahirkan generasi pelapis yang berpengetahuan dan celik IT, mampu berfikir secara kritis dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan.

Bagi memenuhi tuntutan-tuntutan ini, guru berpandukan falsafah kurikulum yang diterapkan dalam Amalan Pengajaran Singapura (STP), sebuah model PdP, untuk membantu setiap murid belajar dengan lebih baik, dan meningkatkan rasa seronok dalam pembelajaran bahasa Melayu. Untuk menyokong matlamat pembelajaran ini, Kementerian Pendidikan Singapura telah memperkenalkan suatu portal yang dikenali sebagai portal *Student Learning Space (SLS)* atau Ruang Pembelajaran Pelajar pada tahun 2018. Portal SLS yang juga memasukkan STP dianggap antara wadah yang efektif dalam mereka bentuk pengalaman pembelajaran berkualiti yang memanfaatkan teknologi.

Keberkesanan portal SLS telah menjadi perangsang kepada guru dalam menarik minat murid di samping meningkatkan pemahaman dan kemahiran berfikir secara kritis. Penggunaan portal SLS ini juga menggalakkan penglibatan mereka secara aktif dan kolaboratif dalam pembelajaran. Kaedah ini mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan, telah dipraktikkan dalam kajian ini dengan harapan dapat mengatasi masalah murid untuk menghasilkan mutu karangan yang lebih baik dengan pengembangan idea yang meluas dan menarik. Peranti-peranti ICT seperti *Mentimeter*, *Google Excel* dan *Google PowerPoint* serta strategi-strategi pengajaran, iaitu penggunaan strategi kata tanya dan pancaindera, turut disisipkan dalam kajian ini.



## **PERNYATAAN MASALAH**

Yahya Othman (2005), mentakrifkan kemahiran menulis sebagai suatu konsep yang dikaitkan dengan proses penyaluran ilmu, idea ataupun maklumat secara bersistem dan mengambil kira aspek tujuan menulis, penggunaan bahasa, khalayak dan gaya penulisan. Menurutnya, penulisan ialah sebuah proses yang melibatkan seseorang murid itu untuk menyampaikan buah fikiran, idea ataupun pendapatnya dengan tepat dan berkesan kepada khalayak atau pembaca dengan menggunakan bentuk grafik. Berdasarkan definisi ini, amatlah penting bagi seseorang murid itu untuk menguasai kemahiran menulis dalam pembelajaran agar berupaya untuk mengetengahkan maklumat atau pengetahuan dan berkomunikasi secara bertulis dengan efektif.

Dalam pembelajaran pada abad ini, penguasaan kemahiran menulis merupakan suatu permasalahan genting yang dihadapi oleh kebanyakan murid terutamanya dalam kalangan murid Darjah 3 dan 4 yang agak baru didedahkan kepada pembelajaran menulis karangan berdasarkan gambar bersiri. Subjek-subjek yang terlibat dalam kajian ini juga tidak terkecuali daripada cengkaman permasalahan ini.

Berdasarkan pemantauan pengkaji dan juga keputusan karangan peperiksaan pertengahan tahun (SA1), didapati murid kurang berupaya dan berkeyakinan untuk mengembangkan isi atau plot dengan menyeluruh berkaitan karangan bergambar yang diberikan. Mereka ketandusan idea yang menarik dan seringkali mengarang cerita berdasarkan apa yang dilihat pada gambar bersiri itu sahaja. Guru yang terlibat dalam pemarkahan kertas peperiksaan karangan mendapati kosa kata yang digunakan dalam karangan murid ini terhad di samping penggunaan bahasa yang lemah, lantas menyebabkan kurang pengembangan plot dalam penulisan karangan mereka.

Hal ini berlaku berpunca daripada kurangnya pendedahan pada bahan bacaan bahasa Melayu. Pada waktu yang sama, terdapat peningkatan dari segi kadar murid Melayu yang tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan utama di rumah. Secara tidak langsung, faktor-faktor ini memberi kesan ekoran keterbatasan dari segi penguasaan kosa kata, sekali

gus menyebabkan kekurangan penggunaan bahasa yang gramatis dan sesuai dalam penulisan karangan.

Oleh yang demikian, guru yang terlibat dalam kajian ini bersepakat untuk mempraktikkan penggunaan portal SLS sebagai satu pendekatan bagi mengatasi permasalahan yang dibincangkan. SLS merupakan sebuah portal pembelajaran dalam talian yang mampu memperkasakan diri murid untuk menjadi lebih aktif dan menyediakan ruang serta peluang untuk mereka bertukar-tukar idea. Murid juga dapat mempelajari antara satu sama lain. Minat, keyakinan dan ilmu pengetahuan baharu yang diraih melalui pendekatan ini pastinya akan dapat mempertingkatkan lagi kemahiran menulis mereka.


## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. meneliti keberkesanannya portal SLS dalam meningkatkan tahap kemahiran penulisan murid bagi karangan berdasarkan gambar bersiri;
2. menganalisis penggunaan strategi kata tanya dan kata adjektif sentuh, perasaan dan pancaindera dalam mengolah isikarangan melalui pengukuhan kosa kata; dan
3. meninjau penggunaan peranti-peranti ICT melalui portal SLS untuk menggalakkan pembelajaran secara kendiri dan kolaboratif.

## **KAJIAN LEPAS**

Penyerapan peranti ICT dalam PdP bahasa Melayu di Singapura telah dilaksanakan di sekolah-sekolah secara kerap. Usaha ini dilaksanakan dengan matlamat untuk memastikan murid dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dapat mempersiapkan mereka untuk tuntutan masa depan dan menjadi penyumbang yang aktif dalam dunia global. Menurut Kozma (2008), teknologi dan media literasi merupakan kemahiran abad ke-21 yang amat diperlukan oleh setiap murid bagi persediaan memasuki alam pekerjaan. Grabill dan Hicks (2005) pula menekankan tentang kepentingan penggunaan



teknologi dalam memupuk literasi memandangkan peralatan dan aplikasi ICT merupakan satu wadah yang penting dalam meningkatkan penguasaan pelbagai literasi.

Menyedari akan hakikat ini, Kementerian Pendidikan Singapura telah mengambil inisiatif dengan menyediakan portal SLS yang memanfaatkan teknologi dan menggalakkan penglibatan murid secara kendiri serta kolaboratif bagi meningkatkan kualiti pembelajaran murid. Melalui portal ini, murid boleh mengakses dan mengulang kaji bahan-bahan pembelajaran berkualiti dalam talian dengan mudah, mengikut kadar kemampuan sendiri pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Mereka juga diberi kesempatan dan ruang untuk berkomunikasi dan berinteraksi secara bermakna dengan rakan sebaya. Ini lantas mewujudkan budaya pembelajaran yang kondusif dan mampu membangkitkan motivasi dalam diri murid untuk lebih terlibat secara aktif dalam pembelajaran mereka. Dapatan ini disokong oleh Deci dan Ryan (2000) yang menjelaskan bahawa seorang murid itu akan terdorong dan mempunyai rasa pemilikan terhadap pembelajarannya apabila dia dapat memahami dan meraih manfaat daripada apa yang dipelajari.

Anderson dan Mims (2014) turut menyokong usaha penggunaan ICT dalam PdP apabila mereka menyatakan bahawa alat-alat digital boleh dipraktikkan oleh guru-guru bagi mengatasi permasalahan dalam penulisan. Mereka mendapati bahawa penggunaan alat-alat digital ini bukan sahaja membangkitkan semangat dan minat murid, malah memiliki potensi untuk mempertingkatkan kemahiran mereka dalam penjanaan dan pengolahan idea (Graves, 1983). Murid juga dapat membina kemahiran berkomunikasi secara bertulis mengikut tujuan dan khalayak yang diperuntukkan (MacArthur, Graham, dan Fitzgerald, 2005).

Justeru, penggunaan peranti-peranti ICT seperti *Mentimeter*, *Google PowerPoint* dan *Google Excel* melalui portal SLS dalam kajian ini, amat bersesuaian. Penggunaan peranti ICT membolehkan murid berkongsi, menambahkan idea, dan pengetahuan baharu antara satu sama lain serta memperbaik penguasaan bahasa mereka melalui interaksi dua hala yang dikendalikan dalam bentuk perbincangan secara berkumpulan.


Penerapan dua strategi pengajaran, iaitu penggunaan strategi kata tanya dan kata adjektif perasaan dan pancaindera turut dilaksanakan dalam kajian ini. Strategi-strategi ini bertujuan untuk membantu dan membimbing murid dalam penjanaan idea melalui pengembangan kosa kata sewaktu mengolah plot karangan. Zimmerman (1994) menegaskan dalam kajiannya bahawa pengajaran kosa kata secara terancang didapati lebih berkesan terhadap pembelajaran kosa kata murid.

Melalui teknik persoalan dan pemerhatian menggunakan pancaindera dalam pembelajaran karangan, strategi-strategi ini diharapkan mampu menggalakkan murid berfikir secara berstruktur ketika merancang dan membina kosa kata mereka serta meningkatkan keupayaan mereka untuk meneliti gambar bersiri yang diberikan dengan lebih terperinci. Hal ini ditekankan oleh Godinho dan Wilson (2008) yang berpendapat bahawa murid yang terlibat dalam proses bertanyakan soalan semasa pembelajaran akan lebih terdorong untuk berfikir secara kritis. Kemahiran-kemahiran yang diperoleh daripada strategi-strategi pengajaran serta peranti-peranti ICT yang disisipkan melalui platform SLS, diharapkan dapat meningkatkan kemahiran menulis murid dari segi mengolah isi dan plot karangan dengan lebih efektif.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini mengambil pendekatan kajian tindakan. Tiada kumpulan kawalan yang digunakan dalam kajian ini. Pengumpulan data berbentuk kuantitatif dan kualitatif digunakan bagi menjelaskan hasil dapatan kajian yang dijalankan.

Penggunaan peranti ICT seperti *Mentimeter*, *Google PowerPoint* dan *Google Excel* yang diterapkan melalui portal SLS adalah untuk memberikan ruang kepada murid berinteraksi dengan rakan-rakan sebaya secara bermakna dan memudahkan perbincangan dalam kumpulan. Gagasan idea yang dijana dalam perbincangan kumpulan ini dapat dicatat secara langsung sekali gus memudahkan murid untuk membaca, memurnikan dan memberikan penilaian pada respons rakan mereka. Guru yang menjalankan pengajaran ini juga



mendapat peluang untuk memantau kemajuan murid serta memberikan maklum balas secara pantas dan berkesan. Hal ini disokong oleh Chai dan Tan (2006) yang mengatakan bahawa penggunaan ICT membolehkan pelibatan ramai murid pada masa yang sama, yang mungkin tidak dapat dicapai dalam situasi bilik darjah tradisional.

Dua strategi pengajaran, iaitu penggunaan kata tanya dan pancaindera diterapkan dalam kajian ini bagi membolehkan murid untuk menggunakan kata tanya dan deria lihat, dengar, sentuh dan perasaan dalam membina kosa kata serta membangunkan idea mereka bagi pengolahan isi dan plot karangan. Melalui kaedah-kaedah ini, murid diberikan bimbingan dan perancangan ketika memikirkan kosa kata yang bersesuaian dengan gambar serta meningkatkan kecekapan mereka untuk berfikir secara teliti dan kritis.

Kajian ini juga dilaksanakan berpandukan kerangka Perancangan Pedagogi SLS yang juga dikenali sebagai *SLS Pedagogical Scaffold*. Kerangka ini merupakan alat yang membimbangi guru menerusi proses reka bentuk yang menggalakkan pembelajaran aktif menerusi teknologi. Terdapat tiga fasa proses reka bentuk di dalam kerangka ini, iaitu menetapkan objektif pembelajaran, reka bentuk dan memudah cara pembelajaran menggunakan teknologi dan menilai kualiti pembelajaran. Fasa-fasa ini juga selaras dengan proses-proses pengajaran yang terdapat dalam STP, iaitu penyediaan pelajaran, pelaksanaan pelajaran serta penilaian dan maklum balas. Kerangka SLS dan model STP ini amat berkesan dalam membantu guru menentukan matlamat, langkah dan kaedah pengajaran serta penggunaan peranti ICT bagi mewujudkan pembelajaran aktif yang berkualiti. Jadual 1 menunjukkan contoh bagaimana kajian ini menerapkan elemen-elemen daripada kedua-dua SLS dan STP.

**Jadual 1: Penerapan Dan Penyelarasan Antara SLS & STP**

Perancangan Pedagogi SLS		Amalan Pedagogi STP		
Proses Reka Bentuk	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar		
<b>Fasa 1:</b> Menetapkan objektif pembelajaran	Penyediaan Pelajaran	<b>AP10:</b> Menyusun Pembelajaran	<b>AM4:</b> <u>Menyusun pembelajaran bagi menggalakkan pelibatan dan pembelajaran pelajar</u> Guru menerapkan aplikasi <i>Mentimeter</i> untuk memberikan peluang kepada murid untuk bertukar-tukar idea mengenai klip video yang ditonton.	
<b>Fasa 2:</b> Reka bentuk dan memudah cara pembelajaran menggunakan teknologi	Pelaksanaan Pelajaran	<b>AP15:</b> Menggalakkan Pelibatan Pelajar	<b>AM3:</b> <u>Pelibatan menerusi kerjasama dan interaksi</u> <i>Google Excel</i> sebagai satu aktiviti berkumpulan yang mana murid menyenaraikan kosa kata menggunakan deria lihat, dengar dan rasa.	
<b>Fasa 3:</b> Menilai kualiti pembelajaran	Penilaian dan Maklum Balas	<b>AP22:</b> Memantau pemahaman dan memberi maklum balas	<b>AM4:</b> <u>Kongsi Pembelajaran Saya</u> Setiap murid menyenaraikan kosa kata serta binaan ayat mereka secara kendiri lalu berkongsi hasil kerja mereka dalam <i>Google PowerPoint</i> bersama rakan-rakan.	



## **Subjek Kajian**

Seramai 141 orang murid telah terlibat dalam kajian ini. Subjek kajian terdiri daripada kohort murid Darjah 3 dan 4 yang merangkumi golongan murid yang mempunyai pelbagai tahap kecerdasan dan keupayaan (sila rujuk pada Jadual 2). Memandangkan golongan murid ini menduduki format karangan yang hampir sama, iaitu 4 gambar bersiri, mereka telah dikenal pasti sebagai subjek yang sesuai untuk kajian ini. Pemilihan kohort ini juga bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan yang dihadapi dalam penulisan karangan. Walaupun telah didedahkan kepada format penulisan karangan, mereka mempunyai kesukaran untuk mengembangkan isi dan plot karangan mereka. Melalui kajian yang dijalankan ini, pengkaji berharap dapat mencari penyelesaian bagi permasalahan yang dihadapi oleh kumpulan murid ini.

**Jadual 2: Bilangan Murid Yang Terlibat Dalam Kajian**

Darjah / Tahap Keupayaan	Melebihi Aras Kebolehan	Pada Aras kebolehan	Praaras Kebolehan
Darjah 3	36 murid	32 murid	10 murid
Darjah 4	-	63 murid	-

## **Instrumen Kajian**

Bagi menilai keberkesanan pembelajaran karangan berdasarkan gambar bersiri yang menerapkan penggunaan portal SLS, beberapa instrumen telah digunakan dalam kajian ini. Instrumen-instrumen tersebut ialah:

1. Templat bagi latihan kendiri atau berkumpulan menggunakan aplikasi *Mentimeter*, *Google Excel* dan *Google PowerPoint*.
2. Tugasan murid.
3. Templat maklum balas murid.
4. Markah praujian dan pascaujian.
5. Borang pemerhatian guru.

## Prosedur Kajian

Sebelum kajian dijalankan, pengamatan guru dan kelakonan murid dalam latihan-latihan karangan yang dilaksanakan dalam pakej pembelajaran menunjukkan bahawa kebanyakan murid tidak mampu mengembangkan isi dan plot karangan mereka dengan baik. Mereka sering menghadapi masalah kosa kata yang terhad sehingga kerap kali menjelas keupayaan mereka mengembangkan idea semasa menghasilkan karangan mereka.

Pada peringkat awal kajian, subjek kajian telah menduduki peperiksaan karangan pertengahan tahun SA1 pada bulan Mei. Keputusan peperiksaan karangan tersebut telah digunakan sebagai praujian. Langkah ini bertujuan untuk mengenal pasti dengan lebih terperinci tentang permasalahan yang dihadapi responden ketika mengolah isi dan plot karangan serta membantu guru dalam perancangan strategi intervensi. Berikut ialah keputusan peperiksaan karangan pertengahan tahun SA1 yang diperoleh subjek kajian. Sila rujuk pada Jadual 3.

**Jadual 3: Prestasi Murid Bagi Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri Dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun (SA1)**

Peringkat / Kadar Kelulusan	Darjah 3 - Melebihi Aras Kebolehan	Darjah 3 – Pada Aras kebolehan	Darjah 3 – Praaras Kebolehan	Darjah 4 – Melebihi/ Pada Aras Kebolehan	Darjah 4 – Pada Aras /Praaras Kebolehan
Kelulusan Keseluruhan	100%	50%	0	83.3%	65.6%
Kelulusan Berkualiti	58.3%	3%	0	9.7%	9.4%

Seterusnya, guru melaksanakan langkah intervensi yang merangkumi enam pelajaran. Setiap pelajaran mengambil masa selama 3 waktu. Tiga pelajaran utama tertumpu pada penggunaan *Mentimeter* dan strategi kata tanya manakala tiga pelajaran yang terakhir menerapkan penggunaan *Google Excel*, *Google PowerPoint* dan strategi pancaindera. Semua ini




disisipkan dalam portal SLS untuk memudahkan murid memperoleh bahan-bahan pembelajaran dan terlibat dalam perbincangan secara berkumpulan. Pelajaran-pelajaran yang dirancang turut mengikut kaedah Pengajaran Secara Eksplisit yang diutarakan oleh Rosenshine (1997) dan memberi fokus kepada 5 peringkat yang terdapat dalam kaedah ini, iaitu pengenalan, penerangan, modeling, latihan dan penutup. Langkah intervensi ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah kaedah yang digunakan memberikan manfaat kepada pembelajaran para pelajar.

#### Penggunaan *Mentimeter* dan Kata Tanya

Pembelajaran ini bermatlamat untuk membimbing murid untuk mengaitkan perkataan atau frasa dengan gambar bersiri yang diberikan dan membina ayat-ayat mudah menggunakan perkataan atau frasa yang dibincangkan. Terdapat beberapa latihan yang dilakukan secara kendiri dan kolaboratif melalui portal SLS.

Dalam pelajaran yang pertama, murid telah didedahkan kepada peranti ICT iaitu *Mentimeter* dan juga penggunaan strategi kata tanya. Pelajaran ini berfokus untuk membantu murid menjana kosa kata berkaitan tema dan gambar bersiri. Aplikasi *Mentimeter* digunakan sebagai wadah bagi murid mencatatkan kosa kata yang berkaitan dengan klip video. Langkah ini dilaksanakan untuk mengaktifkan pengetahuan sedia ada mereka tentang perkataan atau frasa yang berkaitan dengan tema dalam klip video yang kemudiannya dapat diaplikasikan dalam perbincangan kumpulan. Templat perbincangan berkumpulan dalam bentuk peta minda disediakan untuk murid menyenaraikan kosa kata yang berkaitan dengan gambar menggunakan kata tanya seperti yang terdapat dalam Rajah 1.

## Rajah 1: Contoh Hasil Perbincangan Berkumpulan Menggunakan Kata Tanya



Pelajaran yang kedua pula memberikan peluang kepada murid untuk menggunakan rutin berfikir Fikir-Tulis dalam perbincangan secara berkumpulan. Dalam kumpulan masing-masing, setiap murid pada mulanya akan mencatatkan perkataan yang berkaitan dengan gambar. Mereka kemudiannya dikehendaki untuk menulis frasa berkaitan dengan gambar tersebut serta menambah nilai kosa kata yang diberikan oleh rakan-rakan. Akhir sekali, murid akan membina beberapa ayat berdasarkan kosa kata/frasa yang terdapat dalam templat perbincangan mereka. Aktiviti ini mewujudkan kesempatan buat murid untuk berinteraksi dengan rakan-rakan mereka melalui kaedah bertukar-tukar idea atau pandangan secara bertulis. Melalui rutin ini, setiap murid berpeluang untuk memberikan idea atau respons mereka selain menambahkan perbendaharaan kata dan idea bagi mengembangkan respons sedia ada mereka.

Murid berkesempatan untuk mengaplikasikan pengetahuan baharu yang diperoleh dengan menyelesaikan satu latihan karangan dalam pelajaran terakhir. Sebelum melaksanakan latihan menulis, guru mengimbas kembali kosa kata dan gagasan idea yang telah dibincangkan melalui kaedah Lintas Galeri. Guru juga menekankan penggunaan strategi kata tanya ketika mengolah isi dan plot karangan untuk memberi bimbingan dan perancangan kepada murid tatkala merancang dan memikirkan plot dalam latihan karangan mereka.

## Penggunaan Google Excel, Google PowerPoint dan Kata Adjektif Pancaindera dan Perasaan

Pembelajaran kedua ini pula bertujuan untuk membantu murid memberikan respons (perkataan/frasa) dan mengembangkan idea untuk plot karangan dengan menggunakan 3 jenis pancaindera (lihat, dengar dan sentuh) dan kata adjektif perasaan serta membina ayat-ayat mudah dengan menggunakan teknik LDR yang telah dipelajari. Penerapan teknik ini berupaya membina kecekapan murid untuk meneliti watak dan situasi yang terdapat dalam gambar bersiri. Dalam pembelajaran ini, murid akan lebih giat menggunakan portal SLS melalui pengalaman pembelajaran pemerolehan dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan secara kendiri dan berkumpulan.

Bagi pelajaran yang pertama, murid diperkenalkan kepada teknik ini melalui aktiviti induksi. Murid dikehendaki untuk memilih deria yang akan digunakan berdasarkan gambar yang ditunjukkan. Murid membuat pemilihan mereka menggunakan kaedah undi melalui portal SLS (*poll*). Ruang ini mewujudkan kesempatan untuk guru memudahkan cara sesi perbincangan dan memberikan maklum balas mengenai respons murid. Seterusnya, murid menonton sebuah klip video sebanyak tiga kali. Melalui templat rutin berfikir yang disediakan di portal SLS, murid mencatatkan kosa kata secara bertahap berkaitan apa yang dilihat, didengar dan dirasa tentang klip video tersebut. Penilaian rakan sebaya turut disisipkan dalam aktiviti ini di mana murid-murid akan memberikan komen serta menambah nilai respons rakan-rakan mereka.

Pelajaran selanjutnya menggalakkan kolaborasi dan kerjasama dalam kalangan murid melalui aplikasi *Google Excel*. Aplikasi ini digunakan dalam aktiviti berkumpulan kerana memudahkan murid untuk berbincang dan bertukar-tukar idea dengan rakan dalam kumpulan mereka mahupun daripada kumpulan yang lain. Berdasarkan gambar yang diberikan, setiap kumpulan akan berbincang tentang respons yang sesuai lalu merekodkan respons mereka dalam templat yang disediakan. Setelah itu, setiap kumpulan dikehendaki meneliti respons satu kumpulan lain dan menambah atau memurnikan idea-idea yang diberikan. Aktiviti ini berkesan dalam membentuk cara murid berfikir disebabkan murid harus lebih teliti dalam mencungkil dan memilih kosa kata

yang sesuai menggunakan deria lihat, dengar dan rasa. Jadual 4 menunjukkan satu contohan kerja berkumpulan yang dihasilkan bagi aktiviti ini.

**Jadual 4: Hasil Perbincangan Berkumpulan Melalui Penggunaan Teknik LDSP**

Soalan	1. Siapakah watak itu?	2. Apakah yang watak itu lihat?	3. Apakah yang watak itu dengar?	4. Apakah perasaan watak itu?/Apakah yang dapat dirasa (deria sentuh) oleh watak itu?
Respons kumpulan	a. Ibu, Puan Ros b. Bapa, Encik Farid c. Dua budak lelaki, Adi dan Ali.	a. Ali dan Adi lihat pokok-pokok b. Kami lihat pemandangan yang cantik 3. Kami lihat kereta-kereta yang berwarna-warni dan berkilau 4. Kami lihat orang yang berlari-lari anak	a. Kami mendengar burung-burung berkicau b. Kami mendengar angin bertiup-tiup c. Kami mendengar bunyi enjin yang kuat d. Kami mendengar daun berdesiran ditiup angin	a. Kami rasa sejuk. b. Kami rasa lapar. c. Kami rasa teruja. d. Kami rasa penat kerana duduk di kereta terlalu lama.

Pelajaran terakhir pula memberi tumpuan pada penggunaan aplikasi *Google PowerPoint* yang dipraktikkan dalam latihan menulis secara kendiri (Jadual 5). Setiap murid dikehendaki meneliti sebuah gambar dan menyenaraikan kosa kata berkaitan gambar menggunakan teknik LDSP. Mereka kemudian menghasilkan sebuah perenggan berdasarkan gambar tersebut seperti yang terdapat dalam Rajah 2. Hasil kerja ini diteliti oleh guru dan rakan-rakan sekelas yang akan menyumbang idea atau komen untuk



memperbaik hasil kerja yang telah disiapkan.

### Jadual 5: Contohan Hasil Kerja Murid Menggunakan *Google PowerPoint*

Lihat	Dengar	Sentuh/Perasaan
Saya lihat ada keluarga sedang makan dan minum.	Saya dengar suara keluarga itu bercakap.	Mereka berasa seronok sekali.
Saya nampak ada kapal kecil di laut itu.	Saya dengar suara kapal terbang di atas langit.	Mereka berasa sangat gembira.
Saya juga nampak pasir di laut itu.	Saya dengar suara laut itu.	Mereka berasa sangat seronok.

### Rajah 2: Contohan Hasil Kerja Murid Menggunakan *Teknik LDR*

Tuliskan sebuah perenggan berdasarkan gambar ini. Pastikan kamu menggunakan kosa kata yang sudah ditaipkan di borang LDR di atas.



Pada hujung minggu Said dan keluarganya ke pantai. Saya lihat Said dan keluarganya sedang makan dan minum. Saya nampak ada kapal layar di laut itu. Said juga nampak banyak pasir di situ. Saya dengar keluarga Said bercakap. Said dan keluarganya dengar suara kapal terbang. Said dengar suara laut. Saya rasa mereka berasa seronok sekali. Mungkin mereka juga berasa sangat gembira. Pada hari itu mereka rasa sangat gembira.

**An-Nisaa**

3 Respect

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah melaksanakan langkah intervensi, pengkaji mendapati peningkatan yang signifikan dan agak memberangsangkan dalam pascaujian secara keseluruhan. Berdasarkan pemerhatian dan penilaian guru, murid

didapati berupaya mengembangkan isi dan plot karangan dengan lebih komprehensif selepas melalui pengajaran yang menerapkan peranti ICT dan strategi-strategi pengajaran melalui portal SLS. Penguasaan kosa kata murid juga semakin meluas dan meningkat. Idea-idea karangan yang disampaikan lebih fokus, kreatif dan menunjukkan tahap pemikiran yang tinggi. Murid juga kelihatan lebih berkeyakinan ketika mengarang.


Murid yang terlibat dalam kajian ini turut memberikan maklum balas yang positif. Mereka melihat penerapan aplikasi *Mentimeter*, *Google Excel* dan *PowerPoint* serta penggunaan strategi kata tanya dan pancaindera dan perasaan dalam pembelajaran karangan sebagai satu kaedah pengajaran alternatif yang menarik dan berkesan. Mereka bersetuju bahawa kaedah yang digunakan membantu mereka dalam penjanaan idea dan pengembangan isi dan plot dalam karangan. Melalui proses pemikiran yang kritis serta komen yang diberikan rakan mereka, murid memperoleh pengetahuan yang baharu dan lebih memahami kelemahan mereka sekaligus membuka minda mereka untuk memperbaik mutu karangan yang dihasilkan.

### Dapatkan Kuantitatif

Bagi data kuantitatif, keputusan praujian dan pascaujian murid digunakan sebagai kayu ukur untuk dibuat perbandingan dan dianalisis bagi menilai dan meneliti keberkesanan kaedah-kaedah yang diterapkan dalam pembelajaran sekaligus mengukur peningkatan dalam kebolehan murid mengolah isi dan plot dengan lebih baik ketika menghasilkan karangan.

Melalui penganalisan data kuantitatif, dapatan kajian menunjukkan peningkatan bagi kesemua kumpulan kajian. Data yang dikumpul daripada praujian (peperiksaan karangan SA1) dan pascaujian (peperiksaan karangan SA2) menunjukkan bahawa kadar kelulusan keseluruhan meningkat bagi kesemua kumpulan termasuklah kumpulan murid dalam aras lemah. Malah, peningkatan dalam kadar kelulusan keseluruhan antara praujian dan pascaujian ialah antara 10% hingga 22%.


Berdasarkan pencapaian kualiti, dapatan kajian menunjukkan 69.4% murid Darjah 3 dalam linkungan melebihi aras kebolehan dan 49.9% murid Darjah 4 dalam kumpulan pada aras kebolehan telah mencapai markah




yang lebih baik dalam pascaujian berbanding markah praujian. Peningkatan dalam pemarkahan murid menandakan bahawa kaedah-kaedah pengajaran yang diterapkan dalam kajian ini mendatangkan kesan yang positif dalam pembelajaran mereka sekaligus membolehkan mereka mengaplikasikan pengetahuan yang diraih dalam latihan penulisan karangan.

Perbandingan markah yang diperoleh subjek-subjek kajian dapat dilihat melalui rajah-rajab yang disediakan. Rajah 3 dan 4 menunjukkan peratusan kelulusan keseluruhan dan berkualiti bagi kedua-dua peringkat kumpulan kajian.

**Rajah 3: Kadar Kelulusan Keseluruhan Bagi Setiap Kumpulan**



**Rajah 4: Kadar Kelulusan Berkualiti Bagi Setiap Kumpulan**



## Dapatan Kualitatif

Data kualitatif pula diperoleh melalui borang maklum balas dalam bentuk refleksi serta penelitian tugas murid. Instrumen-instrumen ini digunakan untuk menggambarkan persepsi murid tentang keberkesan penggunaan *Mentimeter*, *Google Excel* dan *Google PowerPoint* serta strategi kata tanya dan pancaindera dalam membantu dan membimbing mereka untuk meneliti gambar bersiri dan mengolah isi atau plot karangan dengan lebih berkesan.


Maklum balas yang diberikan oleh murid amat memberangsangkan. Mereka menyatakan bahawa peranti ICT yang digunakan merangsang minat mereka dan menjadikan pembelajaran karangan lebih menarik dan menyeronokkan. Melalui peranti-peranti ICT yang disisipkan melalui portal SLS ini, mereka dapat berkomunikasi dan berkongsi idea dengan rakan-rakan mereka serta mempelajari kosa kata dan idea yang baharu. Murid turut merasakan bahawa mereka terlibat secara aktif dalam pembelajaran tersebut kerana dituntut untuk memberikan sumbang saran dan komen untuk memperbaik hasil kerja rakan mereka. Selain memperoleh idea tambahan dan memperkasakan perbendaharaan kata mereka, murid juga memaklumkan bahawa strategi-strategi pengajaran membantu mereka berfikir dengan lebih berstruktur dan membimbing mereka dalam pengolahan idea untuk isi dan plot karangan. Beberapa contohan maklum balas yang diperoleh daripada murid dapat dilihat dalam Jadual 6.

### **Jadual 6: Maklum Balas Murid Mengenai Kaedah Pengajaran**

Soalan Maklum Balas:

Nyatakan 1 perkara yang kamu suka tentang pembelajaran karangan ini.

	<b>Respons yang diberikan dalam borang maklum balas</b>
Murid 1	Saya suka <i>Mentimeter</i> sebab saya dapat belajar perkataan baharu daripada kawan-kawan saya.
Murid 2	Saya dapat menambah idea apabila saya gunakan mata, telinga dan perasaan untuk melihat apa yang berlaku dalam gambar.
Murid 3	Saya dapat belajar banyak perkara apabila saya gunakan <i>Google Excel</i> . Semasa perbincangan kumpulan, kawan-kawan saya tolong saya untuk memberikan frasa tentang gambar.




Murid 4

Saya dapat idea-idea yang baharu apabila saya membaca contoh-contoh karangan kawan-kawan saya yang terdapat dalam portal pembelajaran di SLS. Saya juga belajar bagaimana untuk gunakan beberapa perkataan yang saya tidak tahu.

Peningkatan dalam pemikiran murid jelas kelihatan dalam hasil kerja yang disiapkan. Contohan pertama dalam Rajah 5 menunjukkan bagaimana murid bertukar-tukar idea dengan rakan-rakan sekumpulan menggunakan rutin berfikir. Ruang kolaborasi yang disediakan memberikan mereka kesempatan untuk menambah nilai pengetahuan masing-masing dengan membina ayat daripada senarai kosa kata yang diberikan oleh rakan-rakan.

### Rajah 5: Perbincangan Secara Berkumpulan Menggunakan Rutin Fikir-Tulis



Contohan kedua dalam Rajah 5 pula memperlihatkan penambahanbaikan dalam respons murid semasa melaksanakan latihan menulis. Terdapat peluasan dan pengembangan idea serta pembaharuan kosa kata yang digunakan dalam respons yang dicatatkan setelah menjalani aktiviti perbincangan dengan rakan-rakan sekumpulan. Penggunaan frasa-frasa berbunga dan bandingan semacam turut dikesan lantas menunjukkan pemikiran yang kritis tatkala membuat perancangan sewaktu menghasilkan karangan mereka.

**Rajah 6: Contohan Hasil Kerja Murid Menulis Karangan Berdasarkan Gambar**

GAMBAR 1	Teknik LDR	Ayat
	  <b>Lihat</b>	<p><b>Burung-burung berkicauan</b> terbang bebas di udara. Cuaca pada hari itu sangat <b>panas</b> dan <b>angin</b> bertiup sepoi-sepoi bahasa. <b>Ramai orang</b> berada di pantai East Coast. Keadaan di pantai itu sangat riuh.</p>
	sebuah keluarga	
	ramai orang	
	pantai	
	  <b>Dengar</b>	<p>Adi dan <b>keluarganya</b> sampai di pantai untuk berkelah. Adi sangat <b>gembira</b> dapat meluangkan masa bersama anggota keluarganya. Namun, ibu dan ayah Adi berasa <b>risau</b>. Mereka <b>khuatir</b> mereka tidak akan mendapat tempat untuk berkelah. Beberapa minit kemudian, mereka berjaya mendapatkan sebuah tempat. Oleh sebab <b>pasir berdebu</b>, ibu Adi membentangkan tikar.</p>
	burung berkicauan	
	ombak pantai	
	angin menderu	
	<b>Perasaan dan Sentuh</b>	
	panas	
gembira		
pasir berdebu		

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah mencapai objektifnya dan membuktikan bahawa penggunaan portal SLS serta kaedah-kaedah pengajaran yang diterapkan sangat berkesan dalam meningkatkan kemahiran menulis murid untuk menghasilkan karangan yang berkualiti. Portal SLS yang menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif telah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Murid mampu belajar dalam keadaan yang santai sekali gus meningkatkan minat dan motivasi mereka untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Perubahan yang positif dari



segi sikap serta pemikiran dan penaakulan kognitif dalam kalangan murid turut kelihatan. Mereka didapati semakin berkeyakinan dan terdorong untuk menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Terdapat kepelbagaiannya dalam penjanaan kosa kata dan idea yang diperoleh melalui perbincangan secara berkumpulan. Murid juga berpeluang mempertingkatkan kemahiran menulis mereka melalui komen-komen yang membina daripada rakan-rakan lantas membentuk mereka menjadi murid yang mempunyai pemikiran yang kritis.

Bagi langkah selanjutnya, kumpulan pengkaji sedang meneliti usaha untuk terus menerapkan kaedah-kaedah pengajaran yang diperkenalkan dan merancakkan penggunaan portal SLS dalam PdP bahasa Melayu. Melalui penerapan ini, murid akan lebih terdedah dan terbiasa serta dapat menggunakan strategi-strategi pengajaran dengan lebih kerap bagi mengukuhkan keupayaan mereka untuk menjana idea dan mengolah isi dan plot karangan. Daripada pengamatan kumpulan pengkaji, murid memerlukan masa dan pendedahan untuk memastikan kaedah-kaedah ini digunakan secara efektif. Apabila faktor-faktor ini diambil kira, barulah guru dapat memupuk budaya berfikir dalam kalangan murid sekali gus melahirkan generasi penuntut yang berkeyakinan dan berkemahiran dalam menggunakan teknologi, mempunyai arah kendiri dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran serta berfikir secara kritis dan inventif.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Hafidzoh Sirri Sajani
2. Salamah Massa'id
3. Shahidah Mahfodz

## **RUJUKAN**

Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.

Anderson, Rebecca S. dan Mims. Clif. (2014). *Handbook of Research on Digital Tools for Writing Instruction in K-12 Settings: Student Perception*. USA: IGI Global

- Grabill, J., & Hicks, T. (2005). Multiliteracies Meet Methods: The Case for Digital Writing in English Education. *English Education*37(4), 301-311. Retrieved from: <http://www.jstor.org/stable/40173204>
- Kozma, Robert B., (2008). ICT, Education Reform and Economic Growth: A Conceptual Framework, Intel Corporation, US.
- Mohamed Izzat Mohamed Sarip (2018). *Pembelajaran Bahasa Melayu Secara Kolaborasi Dengan Menggunakan ICT* dlm Prosiding Bahasa Melayu, Pengajaran Inovatif Pemikiran Kreatif hlm 192 – 202. Pusat Bahasa Melayu: Oxford Graphic
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018), *Amalan Pengajaran Singapura*, Singapura: Oxford Graphic Printers Pte. Ltd.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2019), *Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan Menggunakan SLS*, Singapura: Oxford Graphic Printers Pte. Ltd.

